

Bonus 2 bulan dikaji: PM

BH 4 AUG 2002

Oleh **KHAIDIR ABDUL MAJID, WAN JAILANI RAZAK,
WAN HAZMIR BAKAR dan BADRILA JAMLUS**

LANGKAWI: Kerajaan akan mengkaji permintaan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) untuk mendapatkan bonus dua bulan gaji bagi kakitangan awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kesediaan untuk mengkaji tidak bermakna kerajaan sudah bersetuju untuk memenuhi permintaan Cuepacs itu.

"Semua permintaan kita kaji, tetapi kaji tidak bermakna kita setuju. Kadang-kadang orang pelik sikit, bila kita kata kaji, orang kata dah bersetuju," katanya kepada pemberita di luar sesi Global 2002-Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan semalam yang memetik Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan, sebagai berkata permohonan itu sudah diserahkan kepada Dr Mahathir, baru-baru ini.

Ketika membentangkan Belaniawan 2002 tahun lalu, Dr Mahathir mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan perkhidmatan awam dan kenai-

kan gaji pokok 10 peratus mulai Januari lalu.

Belanjawan 2003 negara akan dibentangkan di Dewan Rakyat 20 September ini.

Diminta mengulas lanjut, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, Cuepacs boleh membuat permintaan dan jika dipersetujui kerajaan akan memberi sekadar mengikut kemampuan.

"Dia boleh minta, kita cuma boleh bagi setakat kita mampu," katanya.

Ditanya sama ada keadaan ekonomi negara 'mengizinkan' pembayaran bonus sebanyak dua bulan seperti yang diminta Cuepacs, Dr Mahathir berkata beliau perlu meneliti kedudukan ekonomi negara terlebih dulu. "Saya tak tenok lagi, angka untuk suku kedua, ketiga... malah angka untuksuku kedua belum dapat," katanya.

Mengena isu yang sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman berkata, permohonan Cuepacs supaya kerajaan membayar bonus dua bulan gaji kepada 960,000 kakitangannya tahun ini akan ditimbang.

LIHAT MUKA 2

Permohonan sudah diserahkan kepada PM

BH 4 AUG 2002

DARI MUKA 1

"Perkara itu kita serahkan kepada kerajaan kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Abdul Rahman yang berharap bonus itu tidak akan tercicir tahun ini kerana ia penting sebagai persediaan untuk sesi persekolahan 2003.

Abdul Manan berkata permo-

honan itu sudah diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan baru-baru ini.

Bagaimanapun, Samsudin berkata beliau belum melihat permohonan itu.

"Seperti biasa sebagai kesatuan, Cuepacs akan membuat pelbagai permohonan dan ia akan ditimbang oleh pihak kerajaan," katanya.